

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. DUA daripada Bahagian A dan DUA daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Lord Denning di dalam bukunya "The Discipline of Law" telah membangkitkan isu pentafsiran terma yang dibahagikannya kepada dua pendekatan iaitu "The strict constructionists" dan "The intention seekers". Perbezaan praktis ini jelas kelihatan di antara undang-undang di England dan yang kebanyakannya diamalkan di negara-negara Eropah. Bincangkan hal ini di dalam konteks undang-undang binaan.  
( 25 markah )
2. Terdapat pelbagai jenis kontrak yang diamalkan di dalam pelaksanaan kerja-kerja binabangunan dan kejuruteraan awam pada peringkat antarabangsa dan di dalam negara ini. Nyatakan kontrak-kontrak tersebut serta terangkan pelbagai jenis borang Standard Kontrak yang berkaitan.  
( 25 markah )

BAHAGIAN B

3. Ikhtisarkan perkembangan borang-borang Standard Kontrak binabangunan semenjak tahun 1903 (sepertimana yang berlaku di England). Bagaimanakah borang-borang ini telah mempengaruhi borang-borang P.A.M.; dan J.K.R. 203?

( 25 markah )

4. Sesuatu kontrak binaan yang adil ialah apabila risiko berpunca dari faktor-faktor ketidakpastian telah diagihkan secara seimbang di antara kedua-dua pihak terbabit.

Nyatakan faktor-faktor ketidakpastian (uncertainties) yang selalu dihadapi oleh pembina atau "kontraktor" dan bincangkan di dalam konteks borang Standard Kontrak JKR 203 (Rev. 10/83).

( 25 markah )

5. Prinsip yang diputuskan oleh "The House of Lords" dalam kes Anns lawan Merton LBC (1978) telah didapati salah apabila kes Murphy lawan Brentwood BC (1990) dibicarakan. Doktrin Anns yang memberi peluang kepada pemilik bangunan berkecacatan untuk menuntut kerugian ekonomi dalam tort daripada penguasa tempatan tidak diasaskan kepada prinsip-prinsip duluan yang teguh (established principles). Kes Murphy membatalkan Doktrin Anns yang telah menimbulkan pelbagai implikasi selama 12 tahun.

Bincangkan.

( 25 markah )

6. Nyatakan maksud dan prinsip-prinsip timbangtaraan (arbitration) serta bincangkan secara ringkas tiga kaedah utama untuk memulakan prosiding timbangtaraan. Adakah adil apabila sesuatu keputusan timbangtaraan disifatkan sebagai muktamad dan tidak boleh dirayukan dalam mana-mana mahkamah?

( 25 markah )

ooo00ooo